KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	011.03.22	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	PERHILITAN			



MOHD Shafiq menunjukkan kesan tapak kaki harimau yang menerkamnya di Dungun. - Gambar NSTP/ ROSLI ILHAM

Debaran hampir dibaham harimau

Penghantar makanan cemas dikejar haiwan buas setinggi 0.5m

Oleh Rosli Ilham
am@hmetro.com.my

Dungun

Penghantar makanan, Mohd Syafiq Mamat, 27,baru selesai menghantar makanan dipesan pelanggan di sekitar Taman Bersekutu di sini, namun ketika dalam perjalanan pulang, dia hampir dibaham harimau belang yang menerkamnya.

"Ketika membelok ke kanan jalan, saya terkejut apabila seekor harimau tiba-tiba meluru daripada kawasan semak dan terus menerkam.

"Harimau setinggi kira-kira 0.5 meter dan berbelang kuning itu berada di bahagian kanan saya. Saya yang terkejut terus memecut," katanya yang menunggang sendirian pada kejadian jam 8.40 malam semalam.

Mohd Syafiq, 27, berkata, dia melalui jalan itu sebagai jalan pintas untuk pulang ke rumahnya di Taman Permint, kira-kira tiga kilometer dari lokasi berkenaan.

Menurutnya, ia mengenal pasti ia harimau belang berdasarkan cahaya daripada lampu motosikalnya.

"Ketika memecut, saya sempat menoleh dan mendapati harimau itu masih mengejar dan jaraknya hanya kira-kira lima meter dari saya.

"Saya memecut sehinggalah harimau itu hilang daripada pandangan. Saya kemudiannya terus pulang ke rumah dalam keadaan ketakutan," katanya.

Mohd Syafiq berkata, harimau itu mungkin datang dari arah hutan Bukit Bauk memandangkan jarak lokasi kejadian tidak jauh dari hutan terbabit.

"Bukan saya sahaja melalui jalan pintas itu, malah turut digunakan penduduk di Jalan Lapangan Terbang dan Kampung Sura.

"Sebaik tiba di rumah, saya terus hubungi rakan setugas dan menasihati mereka supaya tidak menggunakan laluan itu," katanya ketika ditemui.

Menurutnya, dia tidak akan menggunakan jalan itu lagi kerana bimbang perkara sama berulang.

"Ini bukan cerita rekaan, pengalaman ini sangat menakutkan. Sekiranya saya tidak sedar dengan kemunculannya, besar kemungkinan saya sudah dibahamnya.

"Saya menasihati orang ramai serta penduduk supaya tidak melalui kawasan itu terutamanya pada waktu malam," katanya.